

## PENGECUALIAN

01.

### KEBENARAN MERANCANG/PELAN BANGUNAN

- Denda KM
- Serahan 50' (Jalan Perkhidmatan PBT) dari anjakan bangunan setelah serahan 66'.
- KMTT dikecualikan serahan jalan 66'/50', jika ada struktur diroboh sebagai syarat pada jalan 66'.
- Anjakan bangunan 3 meter dari sempadan
- Koridor utiliti di tapak

02.

### PELAN KERJA TANAH

- Pelan kerja tanah bagi pembangunan yang tidak melibatkan cerun dan tebing dikecualikan

03.

### PELAN BANGUNAN

- Ruang kelegaan 2 meter dari sempadan lot dikecualikan. Mana-mana unjuran yang melebihi 2 meter dikenakan permit binaan sementara tertakluk persetujuan BOMBA (Pelan as-built)
- Elemen hijau bagi bangunan dikecualikan seperti LED, SPAH dan grasscrete

04.

### PELAN INFRASTRUKTUR

- Susur jalan dan paip salur air, pejalan kaki & dikecualikan
- Keperluan pelan tapak, perincian jalan, perincian longkang dan perincian pagar sempadan dikecualikan

05.

### PELAN LANDSKAP

- Pelan landskap dikecualikan tetapi pemaju perlu membuat sumbangan pokok utama dan pokok renek kepada pihak Majlis

06.

### JPS DAERAH

- Permohonan kerjatanah dan perparitan dikecualikan

07.

### JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

- Bagi bangunan yang mempunyai ruang yang luas dan mencukupi di salah satu sisi tidak perlu menyediakan lorong tepi untuk keperluan laluan jentera bomba.

## INSENTIF

01.

### KEBENARAN MERANCANG

- Caj Pemajuan diberi bayaran ansuran

02.

### PELAN BANGUNAN

- Penalty Pelan Bangunan dikenakan 7 kali serta bayaran secara ansuran sebanyak 3 kali

03.

### LESEN PERNIAGAAN

- Lesen Perniagaan Berisiko diberi dengan perjanjian pindah dalam tempoh 1 tahun melalui surat Aku Janji Berkanun

04.

### RANCANGAN KAWASAN KHAS

- Kawasan kilang berkelompok dijadikan kluster industri dan dinaiktaraf melalui program RKK

05.

### JPS DAERAH

- Bayaran sumbangan saliran boleh dirayu 50%.

**"PEMOHON PERLU MENDAPATKAN BORANG PEMUTIHAN DARIPADA JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN MPBP TERLEBIH DAHULU ATAU LAYARI LAMAN WEB"**  
[https://www.mpbp.gov.my/sites/borang\\_pemutihan\\_bangunan\\_kilang](https://www.mpbp.gov.my/sites/borang_pemutihan_bangunan_kilang)

**PENAFIAN : PIHAK MPBP HANYA MEMBENARKAN PERUNDING PERANCANG BANDAR BERTAULIAH SAHAJA UNTUK MENGEMUKAKAN PERMOHONAN DAN TIDAK MELANTIK MANA-MANA INDIVIDU SEBAGAI PIHAK KETIGA UNTUK MENGE-MUKAKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, HUBUNGKAN :

07-431 5024  
07-434 1045

[www.mpbp.gov.my](http://www.mpbp.gov.my)

mpbptownplanner@gmail.com

Jabatan Perancangan Pembangunan  
Jalan Pejabat,  
83000 Batu Pahat,  
Johor



## PROGRAM PEMUTIHAN BANGUNAN KILANG DAN KOMERSIAL TANPA KEBENARAN DAN GARIS PANDUAN SYARAT-SYARAT MINIMA TEKNIKAL



UNIT PENGUATKUASAAN  
JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN  
MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT




## LATAR BELAKANG

**PROGRAM PEMUTIHAN BANGUNAN INDUSTRI DAN KOMERSIAL TANPA KEBENARAN DAN GARIS PANDUAN SYARAT-SYARAT MINIMA TEKNIKAL TELAH DILULUSKAN **MESYUARAT PENUH MPBP PADA 30 MAC 2021 DAN JAWATANKUSAZA PERANCANG NEGERI (SPC) PADA 4 APRIL 2021****

## KAEDAH PELAKSANAAN

- 01.** PULIH TANAH KEPADA KEADAAN ASAL (ROBOH BANGUNAN); ATAU
- 02.** KEMUKAKAN PERMOHONAN PELAN UNTUK KELULUSAN MPBP



## PREMIS YANG LAYAK TERLIBAT DALAM PROGRAM PEMUTIHAN

**BANGUNAN KILANG DAN KOMERSIAL YANG DIBINA SEBELUM 31 DISEMBER 2019**

- PEMBUKTIAN :**
1. **BIL ELEKTRIK**
  2. **BIL AIR**
  3. **PENGESAHAN KETUA KAMPUNG / PENGHULU**

## STRATEGI PEMUTIHAN INDUSTRI

Premis Industri/ Komersial	Kategori Tanah dan Zon Gunatanah	Tindakan Putih
<b>Senario 1</b>	Tanah kategori industri/bangunan berada dalam zon gunatanah industri/komersial (Dalam Zon)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. KM Pendirian Bangunan</li> <li>2. Pelan Bangunan</li> <li>3. Pelan Jalan dan Parit</li> <li>4. KM Tempoh Terhad dan Pelan Bangunan Sementara bagi pemajuan sementara atau menyewa</li> <li>5. Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC)</li> </ol>
<b>Senario 2</b>	Tanah kategori pertanian berada dalam zon gunatanah industri/komersial (Dalam Zon)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. KM Susunatur</li> <li>2. KM Tempoh Terhad dan Pelan Bangunan Sementara (as-built drawing)</li> <li>3. KM Pendirian Bangunan</li> <li>4. Pelan Bangunan</li> <li>5. Pelan Jalan dan Parit</li> <li>6. Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC)</li> </ol>
<b>Senario 3</b>	Tanah kategori industri/bangunan berada di luar zon gunatanah industri/komersial (Luar Zon)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. KM Perubahan Material Penggunaan Tanah</li> <li>2. KM Tempoh Terhad dan Pelan Bangunan Sementara (as-built drawing)</li> <li>3. KM Pendirian Bangunan</li> <li>4. Pelan Bangunan</li> <li>5. Pelan Jalan dan Parit</li> <li>6. Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC)</li> </ol>
<b>Senario 4</b>	Tanah kategori pertanian berada di luar zon gunatanah industri/komersial (Luar Zon)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. KM Tempoh Terhad dan Permit Bangunan Sementara</li> <li>2. Penempatan Semula (relocation)</li> </ol>

## SYARAT MINIMA

### 01. KEBENARAN MERANCANG/PELAN BANGUNAN DIBENARKAN KOMPONEN **SEDAIA** DI TAPAK

- Bilangan tingkat/ketinggian
- Kawasan tepubina (Plinth Area)
- Perimeter Penanaman
- Tempat letak kenderaan
- Elemen kejiranan hijau
- Kemudahan sokongan

Turapan jalan perlu disediakan pada jalan awam dan jalan dalam **tidak diwajibkan**

### 02. PELAN JALAN

- Ukuran lebar persimpangan keluar masuk **tidak kurang 24'**

### 03. JKR JOHOR

- Jalan susur **semaksima yang ada**
- Lorong percepatan dan perlambatan **mengikut kesesuaian**
- **Storage Lane** disediakan.
- Naiktaraf parit tepi jalan bergantung keadaan tapak dan **perlu di rujuk JKR**
- Keperluan TIA & RSA hendaklah **dirujuk ke JKR Johor** untuk pra rundingan.

### 04. JPS DAERAH

- Memastikan **sistem saliran lancar** dan tidak perlu yang lain-lain